

PM pelawa Ku Li, Musa jadi menteri

31 OCT 1968

KUALA LUMPUR, Ahad — Perdana Menteri hari ini mempelawa bekas Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Tengku Razaleigh Hamzah dan bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam menjadi anggota Kabinet dengan memegang jawatan Menteri Tak Berportfolio.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, tawaran itu dibuatnya dengan penuh ikhlas sebagai satu langkah untuk memperbaiki perpaduan di kalangan orang Melayu dan ahli Umno di negara ini.

Presiden Umno membuat pengumuman itu sebaik saja selesai menggulung perbincangan di Perhimpunan Agung Umno selama tiga hari di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), hari ini.

Perdana Menteri memberitahu pemberita kemudian, beliau akan mengutus surat kepada Tengku Razaleigh dan Datuk Musa untuk memaklumkan tawaran itu.

Sebelum membuat pengumuman itu, Datuk Seri Dr Mahathir memberitahu bahawa sebagai Perdana Menteri, beliau ingin membuat satu pengumuman yang menurutnya mungkin tidak akan disambut baik oleh perwakilan. Beliau seterusnya meminta perwakilan bertenang dan tidak marah ke-

padanya apabila pengumuman itu dibuat.

"Saya ingin membuat satu pengumuman sebagai Perdana Menteri, yang mungkin tidak akan disambut baik oleh saudara-saudari perwakilan. Tetapi kerana kita semua inginkan perpaduan, dan kita percaya bahawa kita patut berusaha bersungguh-sungguh untuk mengatasi masalah dan mencapai perpaduan, maka saya ingin buat kenyataan kepada tuan-tuan dan puan-puan, dan saya minta perwakilan bertenang dan tidak marah pada saya selalu sangat.

"Saya ingin menjemput Tengku Razaleigh dan Datuk Musa untuk menjadi anggota Kabinet sebagai menteri". Seta-

Laporan AHMAD PUAD ONAH, MOHD NOH SENAN, SA'ODAH ELIAS, JAILANI HARUN, HISHAMUDDIN AUN, ZAINI ZAINUDDIN, AIRY LIM, ROSNIZA RASUL, OTHMAN MAMAT dan WAN SABARIAH SHIKH ALI

kat itu, Datuk Seri Dr Mahathir terpaksa menghentikan pengumuman itu kerana diganggu tepukan gemuruh perwakilan, dan menyambung semula kenyataannya sejurus kemudian... "sebagai Menteri Tidak Berportfolio".

Sebelum itu, beliau berpuas hati kerana Perhimpunan Agung yang bermula Jumaat lalu berjalan dalam suasana tenang, aman dengan semua perwakilan berbaik-baik antara satu sama lain.

Pemerhati

Katanya, keadaan itu sangat berbeza dengan Perhimpunan Agung tahun lalu yang tegang, dikuasai oleh suasana syak wasangka dan berkelompok-kelompok — seolah-olah ia adalah satu perhimpunan bersama yang diadakan oleh dua kumpulan musuh.

"Ketika itu, kita bukannya berhimpun untuk memperjuangkan nasib bangsa dan negara, tetapi hanya untuk pemilihan. Dalam pada itu, kita juga takut pada ahli Umno sendiri, sehingga pemerhati tidak dibenarkan memasuki PWTC kerana bimbang berlaku kekacauan," katanya.

Tahun lalu, pemerhati di Perhimpunan Agung ditempatkan di Stadium Merdeka bagi mengikuti perkembangan mesyuarat dari jauh melalui televisyen.

Katanya, semangat yang ditunjukkan oleh ahli Umno dalam perhimpunan tahun lalu bukanlah semangat seperti yang ditunjukkan oleh pejuang kemerdekaan pada 1946, kerana pejuang kemerdekaan sebelum itu tidak langsung menonjol diri dan meletakkan kemerdekaan negara di tempat paling utama.